



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PENGAJARAN, TEKNOLOGI DAN PENAKSIRAN II
KOD KURSUS	:	BBD 38406
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN ( SEKOLAH RENDAH )DENGAN KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

**BAHAGIAN A**

Berdasarkan satu mata pelajaran pilihan anda di sekolah rendah, sediakan rancangan pengajaran harian selama 40 minit. Penulisannya perlulah mengikut format rancangan pengajaran harian Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional seperti di bawah.

Mata Pelajaran: (Ikut bidang)

Darjah:

Tempat/Kelas:

Tarikh:

Bilangan Pelajar:

Masa : 40 minit.

Tajuk;

Objektif:

Alat/Bahan Bantu Mengajar:

Pengetahuan Sedia Ada:

Langkah-Langkah Keselamatan:

Penerapan Nilai-Nilai Murni.:

**SESI PENGAJARAN**

Masa	Isi Pelajaran	Kefahaman/ Kemahiran Pelajar	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
	Pra Pengajaran  Set Induksi			
	Penyampaian Isi/Langkah- Langkah			
	Penutup			

(30 markah)

## BAHAGIAN B

- S1. Siapakah model terbaik bagi pelajar di sekolah?
- A. guru.
  - B. guru besar.
  - C. rakan sebaya.
  - D. pentadbir sekolah.
- S2. KSSR telah menggantikan KBSR. Ia juga telah memperkenalkan “4M” berbanding KBSR yang menekankan “3M”. Apakah tambahan ‘M’ yang keempat tersebut?
- A. Memikir.
  - B. Mentafsir.
  - C. Menaakul.
  - D. Menelaah.
- S3. Perkara pertama yang perlu dititikberatkan oleh guru dalam pengajaran bahasa bagi pelajar yang mengalami kecacatan bahasa ialah
- A. memberikan ganjaran.
  - B. Mengulang sebutan bahasa.
  - C. Mengajar teknik mengingat.
  - D. Memastikan pelajar menumpukan perhatian.
- S4. Kaedah **terbaik** untuk mendisiplinkan pelajar di dalam kelas adalah dengan
- A. mengenakan tindakan tata tertib yang keras.
  - B. memberikan peneguhan terhadap tingkah laku positif.
  - C. mengenakan hukuman terhadap tingkah laku negatif.
  - D. mengaplikasi kaedah pengurusan kelas yang berkesan.
- S5. Apakah aspek yang terlibat dalam kesediaan pelajar untuk belajar?
- A. Kesediaan psikomotor, kesediaan fizikal dan kesediaan spiritual.
  - B. Kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor.
  - C. Kesediaan psikomotor, kesediaan psikomotor dan kesihatan pelajar.
  - D. Kesediaan fizikal, kesediaan emosi dan kesediaan kewangan.
- S6. Apakah faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk belajar?
- I Pengalaman.
  - II Kematangan mental.
  - III Kematangan fizikal.
  - IV Motivasi.
- A. I,II dan III.
  - B. I,II dan IV.
  - C. I,III dan IV.
  - D. Semua di atas.

S7 Antara berikut, manakah ciri-ciri yang sesuai untuk pelajar berkeperluan khas?

- I Pintar cerdas.
  - II Masalah kecacatan fizikal, mental. Deria dan komunikasi.
  - III Individu yang mempunyai masalah dalam pembelajaran.
  - IV Individu yang mempunyai keupayaan melakukan tugas dengan cekap.
- A. I,II dan III.
  - B. I,II dan IV.
  - C. I,III dan IV.
  - D. II,III dan IV.

S8. Pengajaran koperatif sesuai digunakan untuk menggalakkan perbincangan antara pelajar dalam kumpulan. Apakah ciri **utama** pengajaran ini yang dapat meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar menjadi lebih berkesan?

- A. Rakan sebaya mempunyai kuasa ke atas rakan sebaya yang lain.
- B. Manfaat diperoleh bersama rakan sebaya.
- C. Rakan sebaya yang pintar akan menjadi lebih bijak.
- D. Rakan sebaya merupakan teladan kepada rakan sebaya yang lain.

S9. Peranan sekolah sebagai agen pembentukan budaya ilmu tidak dapat dinafikan.

Apakah kepentingan budaya ilmu ini diterapkan dalam diri pelajar?

- A. Menyediakan remaja dalam menghadapi arus globalisasi.
- B. Pelajar dapat memenuhi pasaran kerjaya yang banyak.
- C. Untuk memastikan keputusan peperiksaan pelajar memuaskan.
- D. Pelajar sentiasa peka terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

S10. Apakah implikasi perbezaan personaliti kepada pembelajaran dan pengajaran?

- A. Guru akan membuat rancangan pengajaran yang berbeza bagi setiap kelas yang diajar.
- B. Guru menggunakan rancangan pembelajaran dan pengajaran yang sama bagi setiap kelas.
- C. Guru hanya akan menumpukan perhatian kepada kelas atau pelajar yang pintar sahaja.
- D. Guru hanya akan menumpukan perhatian kepada kelas atau pelajar yang kurang cerdas sahaja.

S11. Pada tahap perkembangan kognitif Piaget yang manakah penaakulan induktif dan deduktif membantu menyelesaikan masalah?

- A. Praoperasi.
- B. Sensori motor.
- C. Operasi konkret.
- D. Operasi formal.

S12.“Pengayaan intelek yang sebenar menghormati keinginan kanak-kanak”

- Pernyataan ini menggambarkan bahawa guru **tidak boleh**
- A. memaksa kanak-kanak untuk belajar dengan serius.
  - B. menghukum kanak-kanak yang bermasalah.
  - C. menentukan masa depan kanak-kanak.
  - D. menyelesaikan masalah untuk kanak-kanak.

S13.Dalam pembelajaran yang efektif, Piaget menekankan beberapa aspek konstruktivisme, iaitu

- I merefleksi.
  - II berdiskusi.
  - III meneroka.
  - IV bermuafakat.
- A. I,II dan III.
  - B. I,II Idan IV.
  - C. II,III dan IV.
  - D. Semua di atas.

S14.Konsep pembelajaran pelajar akan menunjukkan hasil yang maksimum sekiranya guru

- A. Menyediakan topik-topik pembelajaran daripada subjek yang diajar dalam bilik darjah.
- B. Menggalakkan interaksi rakan sebaya semasa belajar dan bermain ke arah penyelesaian masalah pembelajaran.
- C. Mendengar, memerhati dan bertanya soalan untuk meransang pemikiran.
- D. Berbincang kesemua masalah yang dihadapi oleh mereka sebelum menumpukan perhatian terhadap pengajaran.

S15.Proses pengajaran guru amat bergantung kepada aspek-aspek berikut, **kecuali**

- A. Kognitif.
- B. Afektif.
- C. Psikomotor.
- D. Penilaian.

S16.Pemahaman guru terhadap Teori Kecerdasan Pelbagai akan membantu guru dalam perkara-perkara berikut **kecuali**

- A. membolehkan guru mempelbagaikan cara penilaian terhadap pelajar-pelajarnya.
- B. Merancang proses dan strategi pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.
- C. Menjadikan guru lebih bermotivasi, bersemangat dan berketerampilan untuk mengajar.
- D. Memberikan panduan kepada guru untuk merancang kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut jenis kecerdasan, bakat dan potensi pelajar.

S17.

- Persediaan pembelajaran
- Keupayaan penyampaian
- Respon pelajar
- Peneguhan
- Penilaian

Huraian di atas menggambarkan strategi pengajaran guru yang efektif untuk pelajar dari segi.

- A. perancangan pengajaran.
- B. persediaan penumpuan.
- C. peningkatan pemahaman.
- D. pengulangan pembelajaran.

S18.Pilih pernyataan yang **tidak benar**.

- A. ‘Pengajaran terbuka’ meningkatkan kreativiti.
- B. ‘Instruksi langsung’ bercirikan kuliah dan demonstrasi..
- C. ‘Pengajaran terbuka’ membuka ruang untuk menyelesaikan masalah.
- D. ‘Instruksi langsung’ melahirkan sifat ingin tahu.

S19.Menurut Bloom (1985), kejayaan luar biasa dalam pembelajaran adalah disebabkan oleh?

- A. Usaha dan kemahiran.
- B. Keyakinan dan minat.
- C. Keinginan dan kesungguhan.
- D. Bakat dan pengiktirafan.

S20.Padan manakah yang **betul**?

- A. Motivasi intrinsik – ganjaran luaran.
- B. Motivasi ekstrinsik – pemberian hadiah.
- C. Motivasi intrinsik – hukuman.
- D. Motivasi ekstrinsik – persaingan.

S21.Dalam pendidikan masa kini, cabaran guru yang manakah **terpenting**?

- A. Mengurus pengajaran secara efektif.
- B. Memantau prestasi akademik pelajar.
- C. Menentukan kerjaya untuk pelajar.
- D. Membentuk tingkah laku pelajar yang positif.

S22.Tujuan utama gabungan motivasi instrinsik dan ekstrinsik oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran adalah untuk membantu pelajar

- A. mengurus hal-hal personal.
- B. menguasai ilmu pengetahuan secara maksimum.
- C. memantau prestasi kurikulum
- D. menilai pencapaian dalam kokurikulum

S23.

- Motivasi guru
- Ilmu pengetahuan subjek yang diajar
- Kesediaan guru
- Bahan bantu mengajar
- Teknik mengajar

Huraian di atas merumuskan elemen-elemen yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif di bilik darjah. Antara elemen tersebut, yang manakah **terpenting**?

- A. Motivasi guru.
- B. Teknik mengajar.
- C. Kesediaan guru.
- D. Ilmu pengetahuan subjek yang diajar.

S24. Bagaimanakah aktiviti didik hibur dapat menarik minat murid untuk belajar?

- A. Dapat melihat guru menyanyi.
- B. Belajar dalam suasana yang seronok dan gembira.
- C. Mengehadkan aktiviti murid.
- D. Memaksimumkan aktiviti guru.

S25. Program LINUS telah diperkenalkan pada tahun 2010. Apakah komponen yang terkandung di dalam program tersebut?

- A. Literasi dan Numerasi.
- B. Menulis dan Membaca.
- C. Mengira dan Menaakul.
- D. Literasi dan Saringan.

S26. Kebolehan pelajar menguasai sesuatu kemahiran khusus bergantung kepada

- A. mutu pengajaran guru.
- B. peringkat kematangannya.
- C. pengalaman tersedia kanak-kanak.
- D. minat kanak-kanak dalam kemahiran itu.

S27. Kesilapan guru dalam memilih kandungan pelajaran adalah kerana guru banyak berpandukan kepada

- A. Objektif implicit.
- B. Objektif ekplisit.
- C. Kesimpulan pelajaran.
- D. Set induksi yang menarik.

- S28.Paling ketara yang membezakan kurikulum lama sekolah menengah dengan kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) ialah KBSM mahukan pelajar dibangunkan
- A. kebolehan kognitif.
  - B. kemahiran berfikir.
  - C. nilai sahsiah.
  - D. kebolehan fizikal.
- S29.Sekiranya pelajar didapati tidak dapat menguasai hasil pembelajaran dalam sesi pengajaran, tindakan yang sesuai diambil oleh guru ialah
- A. Cadangkan pelajar supaya mengikuti kelas tambahan yang diajar oleh guru lain.
  - B. Menggunakan masa tambahan untuk mengajar semula.
  - C. Menggantikan topik pengajaran dengan topik yang sesuai dengan kognitif pelajar.
  - D. Mengecilkan saiz pelajar dalam kelas pada masa akan datang.
- S30.Faktor yang manakah paling mendominasi pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran melalui proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.
- A. Kecerdasan kognitif.
  - B. Ekonomi keluarga.
  - C. Kemudahan belajar.
  - D. Kelulusan guru.
- S31. Dalam konteks pendidikan, kelas sosial pelajar merupakan kombinasi daripada elemen berikut,
- I. pendapatan penjaga pelajar.
  - II. jawatan pelajar.
  - III. status penjaga dalam masyarakat.
  - IV. pekerjaan penjaga.
- A. III dan IV sahaja.
  - B. I dan sahaja.
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

S32.Di antara berikut, yang manakah tujuan Panatia mata pelajaran ditubuhkan ?

- I. Memberi jawatan kepada guru sebagai kriteria untuk kenaikan pangkat.
  - II. Memantapkan lagi sistem perlaksanaan kehendak-kehendak kurikulum di sekolah.
  - III. Memperoleh sukanan pelajaran baru dan bahan bacaan tambahan baru untuk kegunaan ahli panatia.
  - IV. Mencadangkan pelajar yang layak diberi pinjaman buku teks.
- A. I sahaja.
  - B. I dan II sahaja.
  - C. II dan III sahaja.
  - D. II, III dan IV sahaja.

S33.Pencapaian hasil pembelajaran pelajar dikatakan akan meningkat sekiranya pendapatan penjaga pelajar meningkat adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa

- A. Makenisme yang berkesan untuk menambah pendapatan ialah kejayaan dalam pendidikan.
- B. Pendapatan yang tinggi terhasil daripada pendidikan yang diperolehi.
- C. Sosioekonomi keluarga pelajar mempunyai korelasi dengan keberkesanan pembelajaran.
- D. Ekonomi keluarga pelajar dipertingkatkan daripada kecemerlangan akademik.

S34.Yang manakah antara berikut tidak menepati konsep pengajaran mengikut Prosser & Lyons, 1977)

- A. Pengajaran adalah proses untuk membantu pelajar yang tidak berkebolehan untuk belajar supaya boleh belajar.
- B. Pengajaran melibatkan usaha mencari dan mengenal pasti salah tafsiran pelajar terhadap sesuatu yang diajar.
- C. Pengajaran melibatkan guru mengambil tindakan untuk memastikan perubahan kefahaman ke atas pelajar.
- D. Pengajaran melibatkan penciptaan konteks pembelajaran yang menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam pelajaran yang diikuti.

S35.Dalam satu sesi pengajaran, pencapaian objektif pengajaran dikesan oleh guru yang mengajar melalui

- A. keperluan pelajar.
- B. matlamat pengajaran.
- C. hasil penbelajaran.
- D. prosedur penilaian.

S36.Model ASSURE yang diperkenalkan oleh Heinich dan rakan-rakan (1982) adalah merupakan contoh kepada

- A. Kaedah pengajaran.
- B. Reka bentuk pengajaran.
- C. Strategi pengajaran.
- D. Aktiviti pengajaran.

S37.Dalam satu sesi pengajaran jika guru tidak menganalisis latar belakang pelajar semasa merancang pengajaran, risiko yang dihadapi oleh guru ialah

- I. Sukar menentukan kaedah pengajaran yang sesuai dan dapat diterima oleh sebahagian besar pelajar.
  - II. Strategi pengajaran yang digunakan hanya sesuai untuk pelajar-pelajar tertentu sahaja.
  - III. Sukar memberi bantuan kepada pelajar yang memerlukannya.
  - IV. Mengulang semula pelajaran yang telah diajar.
- A. IV sahaja.
  - B. I dan II sahaja.
  - C. II dan III sahaja.
  - D. I, II, dan III sahaja.

S38.Tujuan **utama** pengajaran ialah :

- A. Menyampaikan ilmu pengetahuan.
- B. Membimbing pelajar menguasai kemahiran.
- C. Membentuk akhlak mulia pelajar.
- D. Merangsang pembelajaran.

S39.Ciri-ciri iklim bilik darjah yang positif ialah :

- I. Perhubungan mesra di antara guru dan murid-muridnya.
  - II. Iklim persekitaran yang bersih, teratur dan tenteram.
  - III. Murid-murid duduk diam-diam kerana takut dihukum.
  - IV. Murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.
- A. I, II sahaja.
  - B. III, IV sahaja.
  - C. I, II, IV sahaja.
  - D. I, II, III, IV.

S40.Peranan utama guru dalam pengurusan bilik darjah ialah;

- A. perancang.
- B. pengelola.
- C. pengarah.
- D. pengawal.

S41. Cikgu Mansor menggunakan kaedah penyoalan untuk membimbing murid-muridnya. Strategi yang Cikgu Mansor gunakan ialah

- I. strategi pemasatan guru.
  - II. strategi pemasatan murid.
  - III. strategi pemasatan bahan .
  - IV. strategi pemudahcaraan.
- A. I, III sahaja.
  - B. II, IV sahaja.
  - C. I, II, IV sahaja.
  - D. I, II, III, IV .


S42. "Bagaimanakah daun pokok bernafas?". Soalan ini ialah satu contoh soalan bermasalah yang dikemukakan oleh guru untuk diselesaikan melalui

- A. kaedah penemuan.
- B. kaedah inkuiri.
- C. kaedah perbincangan.
- D. kaedah inkuiri-penemuan.

S43. Laporan yang sesuai digunakan untuk Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi semua murid sekolah rendah ialah

- A. Rekod Prestasi.
- B. Rekod Profil.
- C. Buku Kemajuan Murid.
- D. Kad 001 R(77).

S44.



Rajah diatas mengilustrasikan komunikasi

- A. sehala.
- B. dua hala.
- C. tiga hala.
- D. pelbagai hala.

S45.Kepentingan disiplin sekolah ialah :

- I. Melahirkan pelajar supaya menjadi insan yang berakhhlak mulia.
  - II. Melatih pelajar supaya berfikir rasional dan mematuhi undang-undang dan peraturan.
  - III. Membina sebuah masyarakat yang bertatasusila dan bersatu-padu.
  - IV. Melatih kemahiran pelajar yang sanggup member sumbangan kepada Negara.
- A. II, III sahaja.
  - B. I, II, III sahaja.
  - C. I, III, IV sahaja.
  - D. I, II, III, IV.


S46.Punca **utama** masalah disiplin yang berlaku dalam bilik darjah ialah :

- A. Keadaan fizikal bilik darjah kurang selesa.
- B. Perhubungan guru dengan murid kurang baik.
- C. Pengaruh negatif daripada rakan-rakan sedarjah.
- D. Penggunaan pendekatan, strategi, dan kaedah mengajar kurang sesuai.

S47.Tujuan **utama** pekeliling dalam sesebuah organisasi ialah

- A. menyampaikan maklumat
- B. menyampaikan arahan dalam melaraskan peraturan
- C. Menyelaraskan undang-undang terkini
- D. panduan dan arahan


S48.



Berdasarkan Carta Organisasi Kurikulum dan Kokurikulum Sekolah Rendah (Gred A), yang manakah berikut adalah salah?

- A. J/K Kurikulum.
- B. J/K Permainan dan Sukan.
- C. Penolong Kanan Kokurikulum.
- D. J/K Kurikulum dan Kokurikulum.

S49.



Jawatan X dalam Carta Organisasi J/K Kokurikulum biasanya dilantik daripada

- A. Penolong Kanan (HEM).
- B. Penolong Kanan Kokurikulum.
- C. Setiausaha Sukan.
- D. Ketua Rumah Sukan.

S50. Yang manakah berikut merupakan tanggungjawab **utama** guru terhadap muridnya?

- A. Melindungi rahsia peribadi murid.
- B. Mengutamakan kesejahteraan murid.
- C. Menjaga disiplin murid.
- D. Mengutamakan prestasi murid.

S51. Nilai-nilai kualiti utama dalam sesebuah pentadbiran merangkumi;

- A. integriti dan neutraliti.
- B. akauntabiliti dan profesionalisme.
- C. kepimpinan dan bekerjasama.
- D. kreativiti dan inovasi.

S52. Kenyataan berikut menjelaskan maksud Pengajaran Mikro.

- A. Pengajaran Mikro ialah satu sesi pengajaran yang tidak melibatkan pelajar yang sebenar.
- B. Pengajaran Mikro ialah pengajaran yang mesti dilengkapi dengan alat bahan bantuan mengajar yang berteknologi.
- C. Pengajaran Mikro ialah latihan mengajar yang terancang.
- D. Pengajaran Mikro ialah pengajaran yang dinilai.

S53. Perbezaan yang ketara diantara Pengajaran Makro dan Mikro adalah,

- A. Pengajaran Makro dilakukan kepada kumpulan yang besar.
- B. Pengajaran Mikro dilakukan kepada kumpulan yang besar.
- C. Pengajaran Mikro tidak membenarkan penglibatan individu yang aktif.
- D. Pengajaran Makro membenarkan penglibatan individu yang aktif.

S54.Pengajaran Mikro mengamalkan prosedur berikut untuk memberi peluang kepada pelatih memantapkan kompetensi pengajarannya.

- A. teach-critique-re teach.
- B. teach-report-analyze.
- C. teach-comment-repair.
- D. teach-revise-report.

S55.Latihan pengajaran mikro melibatkan turutan peringkat berikut demi pencapaian hasil pembelajaran yang bermakna,

- A. Practice, Modeling, Feedback.
- B. Feedback, Modeling, Practice.
- C. Practice, Feedback, Modeling.
- D. Modeling, Practice, Feedback

S56.Teknik Modeling dalam latihan pengajaran mikro mempunyai tiga langkah berikut kecuali,

- A. menyaksikan demostrasi pengajaran melalui media yang terpilih.
- B. menambahbaikkan kualiti media yang dipilih.
- C. mempraktikkan kompetensi yang didemostrasikan oleh media.
- D. mendapat maklumbalas untuk penambahbaikan kompetensi.

S57.Semasa penggunaan atau menyaksikan demostrasi pengajaran melalui bahan rakaman, langkah berikut perlu dilakukan untuk memastikan pencapaian hasil pembelajaran yang diharapkan.

- A. tayangan rakaman perlu dilakukan di bilik tayangan yang khas.
- B. pen dan kertas kosong perlu diedarkan untuk catatan.
- C. memberi taklimat awal berkenaan kompetensi yang perlu diawasi dan belajar.
- D. tiada maklumat awal yang perlu diberi untuk memupuk semangat penerokaan yang efektif.

S58.Susun langkah-langkah Modeling berikut mengikut keutamaannya.

- I. Menerima maklumbalas berkenaan kompetensi pelatih.
  - II. Membentuk kompetensi pengajaran sendiri.
  - III. Menyaksikan demostrasi kompetensi pengajaran.
- 
- A. I, II sahaja.
  - B. I, III, II sahaja.
  - C. II, III, I sahaja.
  - D. III, II, I sahaja.

S59. Apakah jenis penilaian yang boleh pensyarah gunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan membuat perkembangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

- A. Sumatif.
- B. Formatif.
- C. Diagnostik.
- D. Penempatan.

S60. Mengapa pensyarah perlu menggunakan Jadual Penentu Ujian?

- A. Meningkatkan lagi kesahan.
- B. Menerangkan sebaran jenis butiran.
- C. Menerangkan objektif setiap soalan.
- D. Meningkatkan lagi kebolehpercayaan.

S61. Yang manakah antara berikut **bukan** tujuan utama objektif pengajaran kepada pensyarah

- A. memperbaiki dan merancang proses pengajaran seterusnya.
- B. memberi arah memilih kaedah pengajaran yang sesuai.
- C. memberi panduan cara menilai pembelajaran.
- D. memudahkan pengajaran pensyarah.

S62. Pernyataan manakah merujuk kepada meningkatan mutu ujian?

- A. Semua soalan tidak pernah dibincang dalam kuliah.
- B. Pensyarah membincangkan soalan-soalan tahun yang lepas.
- C. Pensyarah tidak memberitahu pelajar tarikh peperiksaan.
- D. Pensyarah mengadakan ujian semasa ramai pelajar demam.

S63. Manakah antara berikut merupakan turutan yang benar bagi tahap Taksonomi Kognitif Bloom?

- A. Pengetahuan – Pemahaman – Penggunaan – Analisis – Sintesis – Penilaian.
- B. Pemahaman – Pengetahuan – Analisis – Sintesis – Penggunaan – Penilaian.
- C. Analisis – Sintesis – Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Penggunaan.
- D. Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Analisis – Sintesis – Penggunaan.

S64. Pilih kata kerja **bukan** domain psikomotor?

- A. Membina.
- B. Merekripsi.
- C. Merumuskan.
- D. Mengubahsuai.

S65. Manakah antara berikut yang merujuk kepada soalan jenis subjektif?

- A. Adalah soalan esei.
- B. Memerlukan pelajar menyumbangkan jawapan.
- C. Adalah di mana markah berbeza mengikut pemeriksa.
- D. Memerlukan pelajar menjawab lebih daripada satu perenggan jawapan.

S66. Apakah kegunaan pemarkahan secara analitik?

- A. Lebih mudah diperiksa.
- B. Boleh diperiksa oleh guru lain.
- C. Sesuai digunakan untuk ujian esei.
- D. Mudah menyediakan skema pemarkahan.

S67. Pemeriksaan ujian jenis esei dipengaruhi oleh kesan halo. Manakah antara berikut merupakan contoh kesan halo ?

- A. Tulisan pelajar.
- B. Kerajinan pelajar.
- C. Kebersihan pelajar.
- D. Sikap semulajadi pelajar.

S68. Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang pensyarah dalam mentadbir sesuatu ujian?

- A. Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- B. Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- C. Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- D. Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.

S69. Apakah maklumat yang perlu ada dalam muka hadapan kertas soalan?

- I. Nama subjek.
  - II. Masa peperiksaan.
  - III. Arahan soalan.
  - IV. Objektif peperiksaan.
- 
- A. I dan II sahaja.
  - B. I, II dan III sahaja.
  - C. II, III dan IV sahaja.
  - D. I, II, III dan IV.

S70. Apakah ciri-ciri pemeriksa kertas jawapan yang baik?

- I. Pemeriksa kertas jawapan mestilah adil.
  - II. Mesti mematuhi peraturan pemarkahan yang disediakan.
  - III. Perlu tegas (*strict*) terhadap mutu jawapan pelajar.
  - IV. Perlu lembut (*lenient*) terhadap mutu jawapan pelajar.
- 
- A. I dan II sahaja.
  - B. I, II dan IV sahaja.
  - C. I, III dan IV sahaja.
  - D. I, II, III dan IV